

PENANGGUHAN URUS NIAGA



AMANA SAHAM 1MALAYSIA (AS 1MALAYSIA)

Tempoh Penangguhan :	28 hingga 30 September 2018
Tujuan Penangguhan :	Pengiraan Pengagihan Pendapatan Bagi Tahun Kewangan Berakhir 30 September 2018
Pembukaan Semula Urus Niaga :	1 Oktober 2018

Bagi membolehkan Pemegang Unit membuat urus niaga dalam talian serta menerima penyata secara elektronik, Pemegang Unit adalah dinasihatkan untuk mengemaskini maklumat nombor telefon bimbit serta alamat e-mel di ejen-ejen atau cawangan ASNB.

Untuk keterangan lanjut, sila hubungi:

Jabatan Pengurusan Ejen dan Perhubungan Pelanggan

Tel: 03-2057 3000 E-mel: asnbcare@pnb.com.my

Prospektus induk tabung unit amanah ASNB bertarikh 30 Jun 2017, serta prospektus tambahan bertarikh 15 Disember 2017, 1 April dan 9 Julai 2018, telah didaftarkan dengan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia. Sila baca dan fahami kandungan prospektus tersebut bersama Halaman Serlahan Produk yang terdapat di laman sesawang, cawangan dan ejen ASNB. Unit akan diterbitkan setelah penerimaan borang pendaftaran yang merujuk dan mengiringi prospektus tersebut. Sebelum melabur, sila pertimbangkan risiko pelaburan serta yuran dan caj yang dikenakan. Harga unit dan pengagihan pendapatan, jika ada, mungkin turun atau naik. Prestasi masa lalu tabung bukan jaminan prestasi masa hadapan.

Pelabur yang ingin mengetahui maklumat penting mana-mana tabung unit amanah ASNB boleh mendapatkan Halaman Serlahan Produk yang telah dikeluarkan oleh ASNB di pejabat ASNB dan ejennya.

Maklumat Penting:

Mulai April 2018, penghantaran penyata pengagihan pendapatan, laporan tahunan dan/atau laporan interim bagi kesemua tabung unit amanah ASNB adalah secara elektronik kepada semua pemegang unit. Penyata pengagihan pendapatan akan dihantar ke alamat e-mel yang berdaftar dengan ASNB, manakala laporan tahunan dan/atau laporan interim boleh diakses melalui laman web ASNB www.asnb.com.my.

Pemegang unit/penjaga berdaftar boleh membuat permohonan untuk mendapatkan Penyata Pengagihan Pendapatan secara fizikal dengan menghadirkan diri ke cawangan ASNB atau ejen ASNB di seluruh negara atau dengan melaksanakan cetakan layan diri melalui ASNB Portal www.myasnb.com.my